

Kesan Pembangunan Ekonomi Terhadap Individu

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Sebilangan besar masyarakat memahami konsep pembangunan ekonomi negara berdasarkan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK). Berdasarkan pertumbuhan KDNK benar, kita telah menyaksikan ekonomi Malaysia telah tumbuh pada kadar yang memberangsangkan semenjak selepas merdeka hingga kini. KDNK benar adalah mengambil kira faktor masa kerana perbandingan nilai adalah berdasarkan nilai tetap yang dipilih.

Kita juga telah menyaksikan pertumbuhan ekonomi negara melalui fasa yang berbeza-beza. Bermula dengan pergantungan kepada sektor pertanian sebagai penjana ekonomi di awal dekad kemerdekaan, beralih ke sektor pembuatan atau perkilangan dipertengahan dan kini sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK. Arah aliran pertumbuhan ekonomi ini adalah selari dengan apa yang dilalui oleh lain-lain negara maju di dunia, bermakna Malaysia berada di landasan yang betul di dalam perjalanan menuju ke status negara maju.

Namun demikian marilah kita melihat sejenak apakah ciri-ciri negara maju yang kita kehendaki. Pencapaian KDNK yang tinggi hanya merupakan satu ukuran yang tidak mampu menerangkan segala-galanya. Semakin besar nilai KDNK yang dicapai sudah tentu semakin kaya sesebuah negara. Pengharapan rakyat jelata adalah supaya kekayaan negara yang di capai diterjemahkan kepada kekayaan individu. Namun, pertumbuhan KDNK tidak mampu menerangkan segala-galanya. Maka kita perlu menyokong pencapaian KDNK dengan lain-lain petunjuk untuk penilaian yang lebih komprehensif.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Data yang selalu digunakan untuk menunjukkan peningkatan pendapatan rakyat adalah KDNK per kapita, yakni jumlah KDNK dibahagikan dengan jumlah penduduk. Secara kasarnya, jika KDNK dibahagikan sama rata, setiap rakyat akan mendapat sebanyak KDNK per kapita. Namun, agak mustahil kekayaan negara dapat dibahagikan samarata antara masyarakat. Oleh itu sukatan ini tidak benar-benar melambangkan keadaan kekayaan individu kerana ianya tidak melambangkan faktor agihan pendapatan.

Ukuran agihan pendapatan lazimnya di nilai dengan menggunakan pekali *Gini*, yang merupakan satu nombor di antara sifar dan satu. Semakin besar pekali *Gini*, semakin tidak samarata agihan pendapatan, bermakna kekayaan negara dimiliki oleh sebahagian kecil penduduk. Sebaliknya pekali *Gini* yang kecil melambangkan agihan pendapatan negara lebih samarata antara rakyat jelata.

Berdasarkan pekali *Gini*, taburan pendapatan untuk Malaysia beransur baik merekodkan nilai 0.401 pada tahun 2014 berbanding 0.513 pada tahun 1970. Ini bermakna terdapat peningkatan dari segi kesaksamaan agihan pendapatan di Malaysia untuk tempoh tersebut.

Satu lagi statistik yang perlu diberi perhatian melambangkan kekayaan individu adalah pendapatan isi rumah. Data pendapatan isi rumah di keluarkan secara berkala, dua kali dalam masa lima tahun, oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) merupakan maklumat yang lebih tepat terhadap pencapaian ekonomi individu kerana ianya berdasarkan tinjauan umum. Purata pendapatan bulanan isi rumah untuk seluruh Malaysia untuk tahun 2014 adalah RM6,141 berbanding dengan RM5,000 untuk tahun 2012, menunjukkan peningkatan sebanyak 10.3 peratus setahun. Purata saiz isirumah adalah 4.3 orang.

Perbelanjaan isi rumah pula menunjukkan bagaimana isi rumah membelanjakan pendapatan mereka. Purata perbelanjaan isi rumah yang terkini dikeluarkan oleh JPM ialah pada tahun 2009/10 iaitu sebanyak RM2,190 sebulan, berbanding dengan RM1,953 sebulan pada tahun 2004/2005. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.3 peratus setahun untuk jangkamasa tersebut.

Jika dibandingkan untuk jangkamasa yang sama, pendapatan bulanan isi rumah adalah RM3,250 pada tahun 2004 dan RM4,025 pada tahun 2009. Ini menunjukkan pertumbuhan sebanyak 4.4 peratus setahun di antara 2004 dan 2009. Ini jelas menunjukkan pendapatan isi rumah tumbuh dengan lebih pantas berbanding dengan perbelanjaan mereka.

Walupun begitu, sejak kebelakangan ini kita sering mendengar isu kenaikan kos sara hidup yang diluahkan oleh rakyat jelata. Melihat kepada arah aliran kenaikan kebanyakan harga barangan, isu ini tidak dapat dinafikan. Punca utama kenaikan harga kebanyakan barangan adalah disebabkan peningkatan kos pengeluaran hasil dari kejatuhan nilai ringgit. Namun, kita tidak mempunyai statistik terkini untuk perbelanjaan isi rumah untuk membuat bandingan dengan pendapatan isi rumah terkini pada tahun 2014.

Satu perkara lagi yang perlu diambil perhatian berkaitan isu kenaikan kos sara hidup adalah berkenaan dengan perubahan corak perbelanjaan individu saban tahun. Cita rasa individu akan turut berubah selari dengan peningkatan pendapatan mereka. Mereka mempunyai tendensi untuk bertukar sama ada kepada barangan yang serupa tetapi lebih “berkualiti” atau pun barangan baharu. Kesannya kandungan barangan dan perkhidmatan asas yang digunakan oleh individu turut berubah. Kesan ini mungkin tidak sepenuhnya dicerminkan oleh ukuran lazim inflasi.

Harga barangan yang biasa digunakan oleh kebanyakan individu tidak mengalami kenaikan yang berpunca dari permintaan, cuma disebabkan oleh faktor penawaran. Sebaliknya, barangan dan perkhidmatan pengganti berpunca dari perubahan cita rasa individu juga mengalami kenaikan harga berpunca dari peningkatan permintaan di samping tekanan dari kenaikan kos.

Faktor perubahan cita rasa individu ini memberi tekanan yang lebih terhadap peningkatan kos sara hidup terutama di dalam situasi peningkatan harga berpunca dari tolgan kos yang dialami sekarang.